



PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN KARAKTER DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATEMATIK SEKOLAH DASAR



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN KARAKTER
DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
MATEMATIK SEKOLAH DASAR**

SABARUDDIN DAHLAN HUSEN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(PENDIDIKAN MATEMATIK SEKOLAH RENDAH)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 1 (hari bulan) OGOS 2019

i. Perakuan pelajar :

Saya, SABARUDDIN DAHLAN HUSEN, P20131001407 FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk:

PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN KARAKTER DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATEMATIK SEKOLAH DASAR

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF. MADYA. DR. ROSNIDAR MANSOR dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk:

PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN KARAKTER DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATEMATIK SEKOLAH DASAR

dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN MATEMATIK SEKOLAH RENDAH.

Tarikh

Tandatangan Penyelia





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke atas ilahi dengan limpahan rahmat serta nikmat masa, nyawa dan tenaga yang dianugerahkan kepada saya dapat juga saya menyiapkan tesis ini guna memenuhi sayarat untuk pendidikan doktor falsafah dalam bidang pendidikan matematik sekolah rendah.

Pertamanya, saya ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada penyelia saya, Prof. Madya. Dr. Rosnidar Mansor kerana dengan tunjuk ajar serta bimbingan daripadanya membuka ruang untuk saya menyiapkan tesis ini dengan suksesnya. Saya ucapkan jutaan terimakasih kepada Prof. Madya. Dr. Mohd Uzi Dollah dan pensyarah Pendidikan Matematik Sekolah Rendah Fakulti Pembangunan Manusia UPSI yang telah menyumbang idea kepada saya untuk memudah cara saya memulai penulisan tesis ini.



Saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa (Dahlan dan Rosmiati), isteri (Juliana, S.Pd.I) dan anak-anak tercinta saya (Fathul Falkia, Muhammad Zian Muarif dan Aisyah Arizka Sabar), yang memberi saya sokongan, motivasi dan pemudahcara untuk menyiapkan tesis ini. Terimakasih kepada rektor IAIN Langsa yang telah mensponsor, pengarah pejabat Pendidikan dan Kebudayaan, pengarah pejabat Kementerian Agama Kota Langsa dan guru besar Sekolah Dasar dan Madrasah Ibtidaiyah Kota Langsa. Mereka telah memberikan saya segala kemudahan dan sokongan moral yang tidak terhingga sampai saya berjaya menghabiskan tugas ini.

Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada rakan-rakan yang banyak memberi peringatan terhadap setiap apa yang saya telah alpa. Mereka membantu saya dengan menjawab setiap pertanyaan yang saya uterakan kepada mereka. Akhir madah, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam pembikinan tesis ini.





ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini ialah untuk menilai pelaksanaan Program Pendidikan Karakter (PPK) dalam pengajaran dan pembelajaran matematik Sekolah Dasar. Empat objektif kajian iaitu (a). Mengenal pasti visi dan misi, asas undang-undang dan hala tuju penerapan PPK, (b). Mengenal pasti latar belakang guru, sikap guru, peranan ibu bapa dan prasarana sekolah penyokong pelaksanaan PPK, (c). Mengenal pasti rancangan, pelaksanaan dan halangan pelaksanaan PPK) dan (d). Meneroka karakter yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran matematik. Kaedah penilaian dengan menggunakan model CIPP dilaksanakan di 70 buah Sekolah Dasar melibatkan seramai 212 orang guru, 24 guru besar, 700 murid dan 700 ibu bapa. Instrumen digunakan protokol temu bual, senarai semak pemerhatian dan soal selidik. Analisis data kualitatif adalah menggunakan analisis tematik untuk komponen konteks, input dan proses. Manakala data kuantitatif di analisis menggunakan ujian *T-score* untuk komponen produk. Dapatan kualitatif pada komponen konteks program sudah selari dengan program pendidikan karakter. Pada komponen input perlu diperbaiki pada aspek prasarana sekolah dan kelayakan guru. Pada komponen proses, aspek yang perlu ditambah baik pada penyusunan rancangan pelaksanaan pembelajaran dan pada aktiviti pembelajaran belum menunjukkan penerapan pendidikan karakter. Dapatan kuantitatif berdasarkan uji *T-score* diperolehi purata untuk karakter kelakuan $F+ = 72$ (32%), $F- = 152$ (67%); karakter intelek $F+ = 99$ (44%), $F- = 125$ (55.8%). Oleh itu, aspek karakter kelakuan dan intelek perlu ditingkatkan dalam proses pembelajaran, sedangkan karakter sivik, karakter moral dan karakter kolektif diperolehi purata $F+$ lebih 50%. Kesimpulan dari kajian menunjukkan bahawa penerapan program pendidikan karakter perlu penambahbaikan dan diteruskan pelaksanaannya. Implikasinya, penilaian ini menjadi kerangka kerja yang dicadangkan bagi pelaksanaan PPK di Sekolah Dasar dan meningkatkan penerapan pendidikan karakter yang diamalkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran matematik di Sekolah Dasar.





AN EVALUATION OF THE IMPLEMENTATION OF THE CHARACTER EDUCATION PROGRAMME IN THE TEACHING AND LEARNING OF MATHEMATICS IN ELEMENTARY SCHOOL

ABSTRACT

The main aim of this study was to evaluate the implementation of Program Pendidikan Karakter (PPK) or the Character Education Programme in the teaching and learning of mathematics in elementary schools. The four objectives of the study were : firstly, to identify the vision and mission, the purpose and function, the legal basis and direction of the implementation of the character education programmes; secondly, to identify the teachers' backgrounds, teachers' attitudes, parents' roles and school infrastructure which support the implementation of character education programme; thirdly, to identify the programme design, implementation and barriers of the PPK and lastly, to explore the characters embedded in the teaching and learning of elementary school mathematics. The evaluation method using the CIPP model was conducted at 70 elementary schools involving 212 teachers, 24 headmasters, 700 students and 700 parents. The instruments used were the interview protocol, the observation checklist and the questionnaire. The qualitative data was analysed using thematic analysis for the context, input and process components. The quantitative data was analysed using the *T-score* test for the product components. The qualitative data in the programme context component was in line with the character education programme. On the other hand, the input component should be improved in terms of school infrastructure and teacher qualifications. In the process components, the aspects that needed to be improved were the organisation of the learning implementation plans as well as the learning activities, which had not yet displayed the application of character education. The quantitative findings based on the *T-score* test showed the mean for the behavioural character was $F+ = 72$ (32%), $F- = 152$ (67%); while the mean for the intellectual character was $F+ = 99$ (44%), $F- = 125$ (55.8%). As such, the behavioural character and the intellectual character needed to be improved in the learning process, whereas the civic, moral and collective characters acquired mean values of $F+$ exceeding 50%. It can be concluded that the character education programme needed improvement and it should be continued. The study implications indicated that the evaluation served as the recommended framework for the implementation of PPK in elementary schools and it improved the inculcation of character education as practised by teachers in the teaching and learning of mathematics in the elementary school.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Penyataan Masalah	8
1.4	Kerangka Konseptual Kajian	15
1.5	Tujuan Kajian	24
1.6	Objektif Kajian	25
1.7	Persoalan Kajian	25

1.8	Kepentingan Kajian	27
1.9	Sumbangan Kajian	29
1.10	Batasan Kajian	30
1.11	Defenisi Istilah	31
1.11.1	Penilaian Program	32
1.11.2	Karakter	33
1.11.3	Pendidikan Karakter	33
1.11.4	Sekolah Dasar	34
1.11.5	Pembelajaran Tematik	35
1.12	Rumusan	36

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

 05-4506832 	2.1 Pengenalan	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi	37
	2.2 Budaya Sekolah dalam Pendidikan Karakter		38
	2.3 Budaya Karakter dalam Pembelajaran Matematik		41
	2.4 Konsep Penilaian Pelaksanaan Program		44
	2.4.1 Penilaian		44
	2.4.2 Model-Model Penilaian Program		50
	2.4.3 Rasional Pemilihan Model CIPP		59
	2.5 Pengenalan Program Pendidikan Karakter		63
	2.5.1 Pengertian Karakter		63
	2.5.2 Pendidikan Karakter		66
	2.5.3 Pendekatan Pendidikan Karakter		69
	2.6 Pendidikan Karakter Pada Proses Pembelajaran Matematik		73
	2.6.1 Nilai-nilai Karakter dalam Pembelajaran Matematik		74
	2.6.2 Ciri Pendidikan Matematik dan Nilai Kandungannya		77

2.7 Komponen-Komponen Karakter	79
2.7.1 Pengetahuan	81
2.7.2 Perasaan	87
2.7.3 Tindakan	91
2.8 Kesan Penerapan Karakter	94
2.8.1 Karakter Kelakuan	95
2.8.2 Karakter Intelek	104
2.8.3 Karakter Civik	108
2.8.4 Karakter Moral	111
2.8.5 Karakter Kolektif dan Pencapaian Matematik	119
2.9 Pembelajaran Tematik Terpadu Pada Sekolah Dasar	124
2.10 Rumusan	127

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	127
3.2 Reka Bentuk Kajian	127
3.3 Instrumen Kajian	135
3.3.1 Protokol Temu Bual	135
3.3.2 Senarai Semak Pemerhatian	138
3.3.3 Analisis Dokumen	142
3.3.4 Soal Selidik	143
3.4 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	150
3.5 Pemilihan Sampel Kajian	154
3.6 Prosedur Pengumpulan Data	156
3.7 Kajian Rintis	164

3.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan Data	168
3.9 Prosedur Penganalisan Data	170
3.9.1 Analisis Data Kualitatif	171
3.9.2 Analisis Data Kuantitatif	173
3.10 Kriteria Penilaian Program	176
3.11 Rumusan	179

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	181
4.2 Penilaian Komponen Konteks Program	182
4.2.1. Visi dan Misi	182
4.2.2. Tujuan dan Fungsi Pendidikan Karakter	196
4.2.3. Asas Undang-Undang Tentang Pendidikan Karakter	200
4.2.4. Hala Tuju Program Pendidikan Karakter	202
4.2.5. Rumusan Komponen Konteks	203
4.3 Penilaian Komponen Input Program	205
4.3.1. Latar Belakang Guru	206
4.3.2. Penilaian Sikap Guru	214
4.3.3. Sokongan Ibu Bapa	224
4.3.4. Prasarana Sekolah	230
4.3.5. Tata Tertib Sekolah	242
4.3.6. Rumusan Penilaian Komponen Input	243
4.4 Penilaian Komponen Proses Program	244
4.4.1. Penilaian Rancangan Pelaksanaan Pembelajaran	244
4.4.2. Halangan Penyusunan RPP	253

4.4.3. Penilaian Pelaksanaan Pembelajaran dalam Bilik Darjah	256
4.4.4. Rumusan Penilaian Komponen Produk	292
4.5 Penilaian Komponen Produk Program	294
4.5.1. Kefahaman Guru Matematik	294
4.5.2. Karakter dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik	300
4.5.3. Karakter Terterap dalam Pengajaran dan Pembelajaran	305
4.5.4. Rumusan Penilaian Komponen Produk	311

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1. Pengenalan	314
5.2. Gambaran Ringkas Kajian	315
5.3. Perbincangan Kajian	316

5.3.1. Perbincangan Komponen Konteks	317
5.3.1.1 Visi dan Misi	317
5.3.1.2 Tujuan dan Fungsi	319
5.3.1.3 Asas Undang-Undang	320
5.3.1.4 Hala Tuju Program	322
5.3.2. Perbincangan Komponen Input	325
5.3.2.1 Latar Belakang Guru	325
5.3.2.2 Penilaian Keperibadian Guru	329
5.3.2.3 Kerjasama Ibu Bapa	332
5.3.2.4 Fasiliti Sekolah	336
5.3.3. Perbincangan Komponen Proses	339
5.3.3.1 Rancangan Pembelajaran	340
5.3.3.2 Pelaksanaan Pembelajaran	342

5.3.3.3 Halangan Penerapan Karakter	354
5.3.4. Perbincangan Komponen Produk	356
5.3.4.1 Kefahaman Guru Matematik	357
5.3.4.2 Karakter dalam Pembelajaran Matematik	362
5.3.4.3 Karakter yang Terterap pada Murid	365
5.4. Implikasi Kajian	369
5.4.1 Implikasi dari Penilaian Konteks	370
5.4.2 Implikasi dari Penilaian Input	372
5.4.3 Implikasi dari Penilaian Proses	374
5.4.4 Implikasi dari Penilaian Produk	376
5.5. Kesimpulan Kajian	379
5.5.1 Kesimpulan dari Penilaian Konteks	379
5.5.2 Kesimpulan dari Penilaian Input	380
5.5.3 Kesimpulan dari Penilaian Proses	381
5.5.4 Kesimpulan dari Penilaian Produk	383
5.6. Cadangan Kajian Lanjutan	385
RUJUKAN	391
LAMPIRAN	422



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1. Protokol Temu Bual dengan Guru Besar	136
3.2. Protokol Temu Bual Pra dan Pasca Pengajaran dengan Guru	148
3.3. Senarai Semak Pemerhatian Pembelajaran	140
3.4. Senarai Semak Pemerhatian Sarana Sekolah	141
3.5. Item Soalan dalam Selidik Maklum Balas Murid	144
3.6. Item Soalan dalam Selidik Maklum Balas Kefahaman Guru	146
3.7. Item Soalan dalam Selidik Maklum Balas Penerapan karakter	146
3.8. Item Soalan dalam Selidik Maklum Balas Karakter Yang Terterap	147
3.9. Item Soalan dalam Soal Selidik Maklum Balas Ibu Bapa	148
3.10. Senarai semak RPP	149
3.11. Kriteria Kesahan dan Kebolehpercayaan	154
3.12. Jadual Ringkasan Kajian	162
3.13. RS dimensi Kefahaman Guru	166
3.14. RS dimensi Karakter dalam Pembelajaran matematik	167
3.15. RS dimensi Karakter yang terterap dalam Pembelajaran	167
3.16. Kriteria Penilaian	179
4.1. Latar Belakang Guru	207
4.2. Kriteria Penilaian Pendidikan Karakter	214
4.3. Perkiraan Penilaian Sikap Guru	215



4.4. Penilaian Keperibadian, Kominikasi dan Produktiviti Guru	216
4.5. Maklum Balas Ibu Bapa	224
4.6. Penilaian Prasarana Peyokong Pembelajaran	231
4.7. Alat Bantu Pembelajaran	232
4.8. Penilaian Prasarana Persekitaran Bilik Darjah	235
4.9. Penilaian Prasarana Persekitaran Sekolah	238
4.10. Penilaian Aktiviti Pendahuluan Pembelajaran	265
4.11. Penilaian Aktiviti Kandungan Pembelajaran	271
4.12. Penilaian Aktiviti Penutup Pembelajaran	297
4.13. Rekapitulasi Peratusan T-Skor Bagi Kefahaman Guru	303
4.14. Peratusan Kefahaman Guru	305
4.15. Rekapitulasi Peratusan T-Skor Bagi Karakter Dalam Pembelajaran	309
4.16. Peratusan Penilaian Karakter dalam Pembelajaran	310
4.17. Rekapitulasi T-Skor Bagi karakter Terterap	315
4.18. Peratusan Penilaian Karakter Terterap	316



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1. Kerangka Program Pendidikan Karakter Kebangsaan Indonesia	17
1.2. Kerangka Konsep Penilaian Program Penerapan Pendidikan Karakter	21
2.1. Komponen Karakter (Lickona, 2013)	79
2.2. Konstruk Penghayatan Akidah (Norsaleha Mohd. Saleh, 2013)	80
3.1. Triangulation Design (Craswell & Clark, 2007)	130
3.2. Prosedur Kajian Penilaian Berdasarkan Model CIPP	134
3.3. Prosedur Pengumpulan Data	158
3.4. Alur analisis data	170
3.5. Prosedur Analisis Data	172
3.6. Prototipe keberkesanan penerapan program (Glickman, 1981)	175
4.1. Tema visi dan misi sekolah berdasarkan pendidikan karakter	187
4.2. Tujuan Sekolah berdasarkan pendidikan karakter	198
4.3. Pengelasan umur guru	207
4.4. Pengelasan berdasarkan jantina	208
4.5. Pengelasan berdasarkan sijil profesi	209
4.6. Pengelasan berdasarkan peringkat pendidikan	210
4.7. Pengelasan berdasarkan program pengajian	211





SENARAI SINGKATAN

BAN-SM	Badan Akreditasi Nasional Sekolah dan Madrasah
BN-SP	Badan Nasional Standarisasi Pendidikan
BOS	Bantuan Operasional Sekolah
CIPP	Conteks, Input, Proses dan Produk
CTL	Contextual Teaching and Learning
KBK	Kurikulum Berbasis Kompetensi
KD	Kompetensi Dasar
KI	Kompetensi Inti
KKM	Kriteria Ketuntasan Minimal
KTSP	Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan
MENDIKBUD	Menteri Pendidikan dan Kebudayaan
MI	Madrasah Ibtidaiyah
PERMENDIKNAS	Peraturan Menteri Pendidikan Nasional
RPH	Rancangan Pembelajaran Harian
RPP	Rencana Pelaksanaan Pembelajaran
SD	Sekolah Dasar
SISDIKNAS	Sistem Pendidikan Nasional
SK	Standard Kompetensi
SMP	Sekolah Menengah Pertama





SENARAI LAMPIRAN

- A Triangulasi Data Dari Berbagai Sumber
- B Protokol Temu Bual Guru Besar
- C Temu Bual Pra Pengajaran Dengan Guru Matematik
- D Temu Bual Pasca Pengajaran Dengan Guru Matematik
- E Senarai Semak Pemerhatian Aktifiti Pengajaran
- F Senarai Semak Pemerhatian Sarana Sekolah
- G Penilaian Kepribadian Guru
- H Maklum Balas Kepuasan Murid
- I Maklum Balas Ibu Bapa
- J Soal Selidik Kefahaman Guru
- K Maklumat Diri Peserta Kajian
- L Borang Semak Pengesahan Instrumen Kajian
- M Surat Izin Melakukan Penelitian dari UPSI
- N Surat Izin Melakukan Penelitian Dari Jabatan Pendidikan Kota Langsa
- O Surat Izin Melakukan Penelitian Dari Jabatan Kementerian Agama
- P Surat Keterangan Telah Selesai Pengutipan Data Dari Jabatan Pendidikan
- Q Surat Keterangan Telah Selesai Pengutipan Data dari Kementerian Agama





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Tesis ini mengkaji tentang penilaian pelaksanaan program pendidikan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik sekolah dasar. Oleh itu, bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian menerusi latar belakang pelaksanaan program pendidikan karakter dan pernyataan masalah yang membawa kepada kajian ini dijalankan. Bab ini juga memfokuskan tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian yang dikelaskan berdasarkan komponen penilaian iaitu konteks, input, proses dan produk, kepentingan kajian, sumbangan kajian dan batasan kajian. Definisi operasi kajian diterangkan bagi memudahkan kefahaman pembaca terhadap perkara dalam kajian ini.





1.2 Latar Belakang Kajian

Kurikulum 2013 yang saat ini sedang dilaksanakan di setiap peringkat pendidikan, merupakan penyempurnaan dari kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) Tahun 2006 yang telah dilaksanakan. KTSP adalah kurikulum yang berasas kecekapan dan karakter. Kandungan kurikulum 2013 adalah pengukuhan kompetensi dan pembentukan karakter yang handal dari setiap pelajar untuk menghadapi globalisasi yang saat ini berada dalam setiap kehidupan bangsa. Oleh itu, pemahaman guru tentang teori-teori belajar dan pembelajaran yang menekankan pada pengukuhan pemahaman dan pembentukan karakter mutlak diperlukan. Ini termasuklah juga dengan guru matematik atau guru yang mengajar matematik sama ada pada peringkat pendidikan rendah mahupun peringkat pendidikan menengah. Kecekapan lulusan berdasarkan Akta No. 20 Tahun 2003 tentang Sistem Pendidikan Kebangsaan menjelaskan kompetensi lulusan merupakan kelayakan keupayaan graduan yang merangkumi sikap, pengetahuan dan kemahiran sesuai dengan standard kebangsaan yang telah dipersetujui.

Pada saat ini peningkatan pemahaman dan karakter merupakan isu penting dalam sistem pendidikan di Indonesia. Usaha menghidupkan kembali pendidikan karakter ini merupakan amanat yang telah digariskan dalam Akta No. 20 Tahun 2003 tentang Sistem Pendidikan Kebangsaan iaitu pada pasal 3 menyatakan bahawa pendidikan kebangsaan berfungsi mengembangkan kemampuan dan membentuk nilai serta peradaban bangsa yang bermartabat dalam rangka mencerdaskan kehidupan bangsa. Pembentukan karakter merupakan salah satu tumpuan pendidikan kebangsaan. Pasal 1 dalam Akta N0. 20 Tahun 2003 menyatakan bahawa salah satu





tumpuan pendidikan kebangsaan adalah membangunkan potensi murid untuk mempunyai kecerdasan, keperibadian dan akhlak mulia. Amanah Akta Sistem Pendidikan Kebangsaan Tahun 2003 itu bermakna agar pendidikan tidak hanya membentuk insan Indonesia yang cerdas akademik, tetapi juga berpendirian atau berkarakter, untuk melahirkan generasi bangsa yang berkembang maju dengan nilai mulia bangsa dan agama.

Pendidikan karakter yang dipadankan dalam pembelajaran pelbagai bidang pengajian dapat memberikan pengalaman yang bermakna bagi pelajar kerana mereka memahami, meneroka dan mewujudkan melalui proses pembelajaran (Darmiyati & Zuchdi, 2010). Pada tahun 2010, Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan di Indonesia membentuk satu program pendidikan karakter, yang telah dilaksanakan di seluruh peringkat sekolah di Indonesia. Pada tahun 2013, pihak kementerian telah menerapkan kurikulum baru dengan penekanan kepada kecekapan dan karakter. Sistem pembelajaran dalam kurikulum ini bersepadu dengan pendidikan karakter dan sistem pembelajaran tematik. Pada peringkat pendidikan rendah melaksanakan sepenuhnya menjalankan sistem pembelajaran tematik, manakala pada peringkat pendidikan sekolah menengah pula bercampur tematik dengan mata pelajaran (Darmiyati & Zuchdi, 2010).

Karakter merupakan persamaan dua komponen asas iaitu prestasi karakter dan moral karakter. Prestasi karakter terdiri daripada kualiti yang diusahakan seperti rajin, ketabahan, etika kerja yang kuat, sikap positif, kecerdikan, dan disiplin diri yang diperlukan untuk mewujudkan potensi seseorang pada keunggulan dalam setiap lingkup kegiatan seperti aktiviti akademik, tempat kerja, dan sepanjang hidup (Nucci





& Narvaez, 2008; Lickona & Davidson, 2005). Karakter moral pula terdiri daripada sifat yang merangkumi tetapi tidak terbatas pada integriti, keadilan, kepedulian, menghormati dan kerjasama yang diperlukan bagi hubungan interpersonal orang lain dan diri kita sendiri dengan hormat dan mengambil berat dan bertindak dengan integriti dalam kehidupan etika kita (Nucci & Narvaez, 2008 & Lickona & Davidson, 2005).

David Shields (2011) pula mengelaskan lima dimensi pendidikan karakter sebagai kerangka kerja iaitu empat dimensi berada pada tahap individu (karakter kelakuan, karakter intelek, karakter sivik, dan karakter moral) dan satu dimensi pada peringkat kumpulan (karakter kolektif). Dimensi-dimensi tidak menunjukkan perbezaan satu sama lain, tetapi sangat bersepadan dalam aktiviti bilik darjah.



Selama ini pembentukan karakter pelajar adalah hanya melalui pembelajaran pendidikan karakter sahaja, malah mata pelajaran matematik tidak ada kaitannya dengan pembentukan karakter pelajar (Melinda Bier, 2005). Anggapan ini sangat tidak sesuai dengan kaedah pembelajaran matematik yang terdiri daripada nilai matematik dan nilai pendidikan matematik (Bishop & Seah, 2002). Oleh itu, untuk membentuk karakter pelajar, tidak perlu melalui satu mata pelajaran sahaja, tetapi boleh juga di diintegrasikan ke dalam setiap mata pelajaran, termasuk pada mata pelajaran matematik (Prayitno & Manullang, 2011; Muslich, 2011). Hal ini selaras dengan kenyataan Ahmad Sudrajat (2010) bahawa pendidikan karakter dapat di integrasikan dalam pembelajaran pada setiap mata pelajaran. Pembelajaran yang berkaitan dengan norma atau nilai-nilai pada setiap mata pelajaran perlu dibangunkan, diterapkan, dikaitkan dengan konteks kehidupan sehari-hari. Oleh itu, pembelajaran





nilai-nilai karakter tidak hanya pada taraf kognitif, tetapi menyentuh pada tahapan pemupukan dan pengamalan yang sebenar dalam kehidupan harian pelajar dalam masyarakat.

Prabowo & Pramono (2010) juga menekankan bahawa pembelajaran matematik tidak sekadar mengerjakan bahan matematik, tetapi juga mendidik untuk membina dan memahat karakter. Pembelajaran matematik tidak hanya untuk menyokong pembangunan kognitif sahaja tetapi juga untuk mengembangkan afektif dan psikomotor (Gladwell, 2009). Wan Zah et al. (2005) berpendapat bahawa pendekatan pengajaran yang menekankan penerapan nilai matematik akan menjadikan pengajaran lebih berkesan, menarik, bermakna dan berguna kepada pelajar. Hal ini kerana nilai matematik akan membangkitkan minat terhadap matematik, kefahaman tentang kepentingan matematik dalam kehidupan dan dapat membantu pelajar menguasai kekuatan matematika lebih baik dan membentuk karakter pelajar sesuai dengan yang diharapkan. Fitzsimons, Bishop, Seah, dan Clarkson (2001), menjelaskan bahawa pada masa kini, ramai ahli pendidik dan penyelidik mempercayai bahawa kualiti pendidikan matematik dapat dipertingkatkan jika konsep dan pengaruh nilai difahami dengan lebih meluas dan mendalam.

Pengajaran dan pembelajaran matematik tidak hanya boleh digunakan untuk mencerdaskan pelajar saja, tetapi juga mempunyai potensi untuk membentuk karakter pelajar. Oleh banyak kalangan, pelajaran matematik diyakini mempunyai nilai-nilai tertentu yang amat penting dalam membentuk dan mengembangkan nilai pelajar (Prabowo & Pramono, 2010). Namun begitu, pelaksanaan pembelajaran matematik di sekolah pada masa kini lebih mementingkan aspek kognitif sahaja, sehingga aspek





yang mendasar iaitu pembentukan dan pembangunan karakter pelajar kurang diberi perhatian (Avip Saefullah, 2003).

Usaha lebih serius perlu diberikan supaya potensi mata pelajaran matematik dalam pembentukan karakter dan kecerdasan emosi pelajar dapat lebih tampak jelas, tidak hanya “*by chance*” tetapi “*by design*”. Karakter pelajar sekolah dasar boleh dibina melalui pelbagai cara dalam pembelajaran matematik iaitu dengan melatih pelajar konsisten dalam berfikir, konsisten dalam memakai istilah, konsisten dalam pengiraan, konsisten melaksanakan perjanjian dan menerapkan nilai dalam pengajaran dan pembelajaran (Avip, 2003). Cara lain juga boleh dilakukan dengan melatih murid disiplin dalam memanfaatkan waktu, dan bersikap toleransi dengan menghormati pendapat orang lain dalam pembelajaran. Cara-cara tersebut boleh berlaku dalam interaksi pelajar dengan pelajar mahupun pelajar dengan guru baik secara perbincangan kelas mahupun perbincangan kumpulan. Hal ini juga sesuai dengan karakter matematik yang melatih pelajar untuk berfikir kritis dan logik (Winarni, 2012).

Institusi pendidikan sangat berperanan dalam mencegah perilaku dan keruntuhan moral yang terjadi saat ini. Oleh itu, merupakan aspek penting yang diberikan perhatian oleh pihak kerajaan dalam implementasi kurikulum 2013. Aspek sikap menjadi fokus utama pencapaian pendidikan di Indonesia. Kurikulum 2013 adalah konsep pendidikan dan kebudayaan yang membina karakter kebudayaan, karakter kejujuran bagi murid kerana dari sisi kecekapan pengetahuan mereka diajak mengembangkan kreativiti, inovatif serta berfikir secara positif dalam rangka membina generasi Indonesia yang kuat dan tangguh untuk masa depan (Muslich, 2011).





Pelaksanaan pendidikan karakter telah disenaraikan dalam Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan (KTSP) tahun 2006, selain penekanan kepada kompetensi, kurikulum KTSP juga memuat nilai-nilai pendidikan karakter, dalam setiap kompetensi yang diajarkan kepada murid, guru mesti merancang nilai karakter yang mesti dicapai dan akan dinilai berdasarkan acuan yang telah ditetapkan oleh pusat kurikulum. Kurikulum 2013 dan penyempurnaannya dilaksanakan secara menyeluruh pada tahun 2015, yang menitikberatkan kepada kecekapan akademik dan kecekapan karakter. Selain itu, kurikulum 2013 juga menerapkan karakter secara bersepadu ke dalam semua mata pelajaran, di peringkat sekolah dasar bermula daripada darjah satu sehingga darjah enam yang menerapkan pembelajaran dengan pendekatan tematik bersepadu.



Secara keseluruhannya, penerapan karakter adalah merupakan program dasar kerajaan atas pelbagai masalah dalam masyarakat di Indonesia. Satu penilaian terhadap program tersebut perlu dilaksanakan untuk mengetahui sejauh mana keberkesanan pelaksanaan program itu. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji akan mengkaji sejauh mana keberkesanan penerapan pendidikan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik. Pelaksanaan kurikulum memuat keseluruhan komponen pelaksanaannya, maka perlu pula dinilai secara menyeluruh. Kajian ini juga akan menilai program penerapan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik menggunakan model penilaian yang dikemukakan oleh *Stufflebeam* (1971) iaitu Konteks, Input, Proses dan Produk (CIPP).

Tujuan penilaian dilakukan adalah sesuai dengan apa yang telah terkandung dalam Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 20 Tahun 2003 tentang Sistem





Pendidikan Kebangsaan Pasal 57 ayat (1), dan pendapat Sukardi (2010) bahawa penilaian dilakukan dalam rangka pengendalian mutu pendidikan secara nasional sebagai bentuk akuntabilitas penyelenggara pendidikan kepada pihak-pihak yang berkepentingan, diantaranya terhadap murid, institusi, dan program pendidikan.

1.3 Penyataan Masalah

Sistem pendidikan di Indonesia bertujuan untuk melahirkan insan yang bijak dan mempunyai karakter yang baik dan memiliki kecekapan akademik dan sosial, namun kenyataannya adalah sebaliknya dan tidak sesuai dengan harapan dan cita-cita. Moral masyarakat Indonesia kelihatan jauh dari ciri moral orang yang mempunyai pendidikan, sebagaimana apa yang disampaikan oleh Yuyus Kardiman (2013), masalah masyarakat Indonesia sangat kompleks mulai dari masalah besar memberi kesan besar dan masalah kecil memberi kesan besar (Saidek *et al*, 2016).

Masalah sosial ini pula berlaku pada lapisan masyarakat yang berpendidikan tinggi dan mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kerajaan, seperti perilaku rasuah, salah guna kuasa, kekecohan di Parlimen, pelaku politik tidak mencerminkan karakter baik, dan penguatkuasaan undang-undang yang tidak adil (Howard *et. al*, 2004). Hal tersebut juga disampaikan oleh Kristanto (2011), bahawa keadaan bangsa Indonesia saat ini berada pada taraf yang sangat membimbangkan kerana terjadinya pelbagai kes dalam pemerintahan, rasuah yang berleluasa, salah guna kuasa membuat bangsa ini kacau, biasanya tindakan itu dilakukan oleh orang yang berpendidikan tinggi. Selain itu, berlakunya kegiatan jenayah yang sangat merugikan banyak pihak.





Kalangan masyarakat awam pula lebih membimbangkan lagi apabila kehidupan bermasyarakat sudah tidak kelihatan lagi ciri masyarakat berkarakter. Ramai terlihat masyarakat yang melangar trafik, membuang sampah bukan pada tempatnya, merokok ditempat umum, dan ini akan menjadi kebiasaan yang akan ditiru oleh anak-anak sebagai generasi penerus kita (Kristanto, 2011 & Sumantri, 2010). Lickona (1991) dalam kajiannya menjelaskan beberapa gejala keruntuhan moral yang terjadi pada generasi muda di Amerika Syarikat seperti 41% diantaranya pernah memandu kereta ketika dalam keadaan mabuk atau sedang dalam pengaruh dadah, 33% pernah menipu sahabat dekat mereka mengenai suatu yang dianggap penting dan 38% pernah menipu dalam pembayaran tax.

Tessa Jolls (2008) menyatakan bahawa teknologi bukan sahaja memberi manfaat dalam kehidupan tetapi memberi kesan buruk terhadap tingkah laku karakter kanak-kanak, seperti kanak-kanak menghabiskan lebih banyak masa untuk purata 8 jam sehari (Roberts, Foehr, Rideout & Brodie 1999), melebihi masa yang digunakan oleh orang dewasa dalam kerja. Teknologi juga menjauhkan kanak-kanak daripada interaksi sosial (Jolls, 2008), sehingga hilang nilai-nilai karakter dan membentuk perilaku buruk, impak daripada penggunaan teknologi maklumat yang salah, antaranya penyalah gunaan teknologi maklumat yang sedang marak pada anak-anak seperti *cyberbullying*, *cyberstalking*, dan ketagih permainan video (Byron, 2008). Kajian Joyce Ann King (2008) menunjukkan bahawa tingkah laku yang menimbulkan gangguan meningkat apabila pelajar berpindah ke tahap gred yang lebih tinggi. Kanak-kanak yang menunjukkan tingkah laku agresif dan mengikut gerak hati mereka pada tahun-tahun persekolahan mungkin kurang mempunyai hubungan rakan sebaya





dan kemahiran sosial, menunjukkan masalah dengan harga diri dan keyakinan diri yang dirujuk bagi kemunduran akademik (Taub, 2002).

Pandangan negatif terhadap matematik yang dianggap sukar dan hanya menekan kepada kognitifnya saja. Matematik identik dengan nombor dan kiraan, dan masyarakat juga beranggapan bahawa matematik tidak menerapkan nilai-nilai dan karakter terhadap murid. Peranan matematik dalam membentuk karakter pelajar dalam konteks pendidikan memiliki cakupan yang luas, seperti yang dinyatakan oleh Mulyasa (2011) bahawa pendidikan karakter tidak hanya berkaitan dengan masalah benar-salah tetapi bagaimana menanamkan kebiasaan (tabiat) tentang hal-hal yang baik dalam kehidupan, sehingga pelajar memiliki kesedaran dan pemahaman yang tinggi serta kepedulian dan komitmen untuk menerapkan kebajikan dalam kehidupan



Pandangan negatif terhadap matematik memberikan kesan kurang percaya diri bagi pelajar dalam belajar matematik (Willis, 2010). Kesannya termasuk stres, rendah motivasi, perasaan tidak berdaya, menurunkan peranan dalam kelas, kebosanan, berkurangan toleransi untuk cabaran, kegagalan mengimbangi kelas, masalah tingkah laku, dan mengelakkan kelas matematik. Hal ini menyebabkan kesulitan bagi guru dalam menerapkan karakter dalam proses pengajaran dan pembelajaran matematik di sekolah dasar.

Rahmi (2013) pula menyatakan bahawa saat ini dalam dunia pendidikan penanaman nilai-nilai yang baik kepada pelajar sudah jarang dilakukan. Kerana ramai guru hanya memberi tumpuan pada peningkatan intelektual pelajar dan kurang





memberi perhatian kepada karakter pelajar, sehingga banyak di kalangan pelajar melakukan hal yang tidak terpuji seperti plagiat, buli, vandalism, menipu dalam ujian dan tidak hormat guru (Nasrullah, 2015 & Freeman, 2014). Pendidikan saat ini lebih mementingkan ujian secara akademik daripada hasil pembetulan sikap murid, sehingga pendidikan karakter perlu diterapkan dalam kurikulum saat ini, dan bersepadu dengan semua pelajaran yang dimuat dalam kurikulum (Howard et al., 2004). Peranan pengetahuan matematik tidak lebih hanya melayani otak kiri saja yang hanya menuntut kemampuan berfikir logik sehingga hanya membekalkan pelajar cerdas namun membentuk manusia yang bertamadun mempunyai akhlak yang baik (Kusno & Dita, 2014). Hal ini disebabkan kerana matematik adalah landasan berfikir ilmiah yang masih lepas dari nilai tetapi mempengaruhi sikap, dan perilaku seseorang dalam mengambil keputusan dan tindakan.



Jika sejak awal penerapan nilai keagamaan bekerjasama dengan pengetahuan matematik, maka akan melahirkan cahaya iman yang boleh membawa perubahan umat kepada kemuliaan (Megawangi, 2004). Namun sebaliknya proses intelektualisasi bangsa yang dilakukan secara sparatif perbidang ilmu tanpa mengindahkan suara rakyat secara didaktis hanya memberi kesan pada sisi kognitif tetapi tidak boleh membina pemahaman nilai moral secara baik. Proses pendidikan yang seperti ini hanya akan melahirkan generasi yang sekular, matrialistik dan menganggap bahawa kesenangan serta kenikmatan materi adalah tujuan utama hidup (Kusno, 2014).

Selama ini pembelajaran matematik cenderung pada pencapaian sasaran bahan yang ada di dalam kurikulum atau merujuk pada buku yang dipakai sebagai buku wajib dengan berorientasi pada soalan-soalan peperiksaan akhir pada tahun-tahun





sebelumnya, pelajar cenderung untuk menghafal konsep-konsep matematik, tanpa mengkonstruk terlebih dahulu pengetahuan mereka dalam mendapatkan konsep tersebut (Priyambodo, 2011 & Widdiharto, 2004). Pengajaran dan pembelajaran matematik di kelas kebanyakan dilaksanakan oleh guru secara konvensional dan kaku. Pembelajaran konvensional yang sampai sekarang masih lazim dilaksanakan dalam pembelajaran matematik di sekolah-sekolah di Indonesia dan arah tujuan pembelajaran juga tidak jelas sehingga ternyata tidak berhasil membuat pelajar memahami dengan baik apa yang mereka pelajari (Marpaung, 2007).

Pandangan terhadap matematik, *National Assessment of Adult Literacy* (NAAL) pada tahun 2003 mendedahkan bahawa hanya 13% daripada orang dewasa Amerika berada di tahap kemahiran matematik yang akan membolehkan mereka untuk "mengira dan membandingkan Kos per auns item makanan" (Kutner et al, 2006). Dalam sampel rawak daripada orang dewasa Amerika, 78% tidak boleh menjelaskan bagaimana mengira bunga yang dibayar pada pinjaman, 71% tidak boleh mengira batu per galon di perjalanan, dan 58% tidak mampu untuk mengira 10% tip untuk pelayan yang melayani mereka makan tengah hari di restoran kegemaran.

Kajian penilaian terhadap program pelaksanaan penerapan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik masih sangat kurang walaupun beberapa kajian yang berkenaan dengan karakter sudah mula giat dilaksanakan di beberapa negara maju, bahkan di Indonesia penerapan pendidikan karakter sudah sampai pada tahap penilaian dalam kurikulum tahun 2013, yang mana kurikulum sebelumnya juga pelaksanaan karakter sudah diterapkan kepada semua pelajaran. Falkenberg & Noyes (2011), dalam kajiannya telah merancang kerangka konseptual menghubungkan





antara matematik dengan pendidikan karakter, kajian kes ini melibatkan dua buah negara iaitu United Kingdom dan Canada, yang meneroka kekangan yang dihadapi oleh guru kedua negara dalam melaksanakan moral dalam kelas matematik.

Hasil kajian Rohmayasari (2010) mendapati bahawa sikap dan kemampuan berfikir matematik pelajar masih rendah dan belum memuaskan. Para pelajar masih merasa malas untuk mempelajari matematik kerana terlalu banyak formula (May & Stone, 2010) dan menganggap bahawa pelajaran matematik adalah pelajaran yang membosankan (Wan Zah *et. All.* 2005; 2009). Matematik masih sukar difahami oleh pelajar dan soalan yang diberikan sukar untuk dikerjakan, murid beranggapan bahawa matematik kurang berfaedah dalam kehidupan seharian (Noraini, 2001). Pelajar masih merasa bingung dalam mengaplikasikan konsep matematik dalam kehidupan seharian.



Soalan yang diberikan adalah soalan rutin yang kurang meningkatkan kemampuan berfikir matematik pelajar malah masih jauh dengan nilai disebalik matematik. Ini menyebabkan pelajar tidak hanya rendah pada kemampuan aspek memahami matematik sebagai pengetahuan (*cognitive*) tetapi juga aspek sikap (*attitude*) terhadap matematik juga masih belum memuaskan. Sebahagian besar pelajar masih menganggap matematik merupakan mata pelajaran yang sukar dipelajari dan menakutkan bagi mereka.

Pendidikan nilai dan pendidikan karakter dua perkara yang saling berhubungan (Mohd Uzi, 2011). Nilai merupakan keutamaan peribadi berkaitan piawai (standard) individu untuk mempertimbangkan kepentingan atau faedah sesuatu perkara bagi mereka sendiri untuk berfikir dan bertindak (chin & lin, 2001). Terdapat kajian yang berfokus kepada nilai yang diamalkan dalam bilik darjah iaitu sewaktu





pengajaran dan pembelajaran matematik. Kajian ini menunjukkan bahawa pengalaman pendidikan matematik di sekolah mempengaruhi penerapan nilai dalam kalangan pelajar (Bishop, Fitz Simons, Seah & Clarkson, 2001).

Amalan guru terhadap kurikulum 2013 di Indonesia dalam penerapan karakter dalam pengajaran matematik sangat mencabar dengan beberapa masalah seperti guru perlu menghabiskan pelajaran berdasarkan silabus dan belum adanya panduan pelaksanaan pendidikan karakter dalam pembelajaran matematik. Kajian Hamdan (2013) mendapati kekangan masa menyebabkan sukar untuk melaksanakan penerapan nilai-nilai karakter dalam pengajaran matematik, penekanan kepada penghabisan silabus, sukar mendapatkan buku mengenai penerapan nilai bagi memantapkan lagi pemahaman guru bagi melaksanakan penerapan nilai dalam pengajaran dan bilangan murid juga menjadi halangan dalam penerapan nilai.

Penerapan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik sekolah dasar dipandang sangat penting kerana mengingat semakin rendah tahap pendidikan semakin besar wilayah penerapan terhadap sikap berbanding kemahiran dan pengetahuan akademik, sebaliknya semakin tinggi tahap pendidikan semakin besar wilayah penerapan kemahiran dan kemampuan akademik (Brunner, 1960; Marzano, 1985).

Berdasarkan permasalahan tersebut, maka fokus kajian ini adalah penilaian terhadap penerapan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik di sekolah dasar untuk mencapai pemahaman dan pembentukan karakter yang sesuai dengan standard kelulusan dalam kerangka asas dan struktur kurikulum 2013. Di





samping huraian diatas, hasil temu bual pengkaji dengan beberapa guru sekolah dasar di Kota Langsa dalam musyawarat guru MGMP (Musyawarat Guru Mata Pelajaran), mendapati bahawa kelangsungan pengajaran yang dilakukan oleh guru dalam bilik darjah belum menekankan kepada penerapan nilai dan internalisasi karakter, melainkan hanya pencapaian kandungan pelajaran untuk memenuhi kurikulum yang ada. Guru juga mengalami kesulitan dalam mengendalikan bilik darjah kerana sikap pelajar yang kurang mengamalkan karakter seperti jujur, disiplin, kerja keras, menghargai orang lain dan banyak pelajar yang bertindak belum sesuai dengan sikap hormat dan tanggungjawab. Oleh itu, bagi menjawab permasalahan tersebut, maka satu kajian penilaian perlu dilakukan untuk mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik di sekolah dasar.



1.4 Kerangka Konseptual Kajian

Guru dalam melaksanakan pembelajaran merupakan model dan pengasuh yang mempunyai karakter sesuai sebagai seorang guru untuk memastikan murid mempunyai karakter yang baik. Karakter merupakan cerminan keperibadian yang mendalam dari diri seorang guru, mengajar pada prinsipnya tidak hanya memindahkan ilmu tetapi mengajar lebih kepada suatu tindakan moral yang mencerminkan karakter moral seorang guru dalam membina situasi belajar yang baik di dalam kelas (Schwartz, 2005, 2007; Sockett, 1993). Hal ini selari dengan Akta Pendidikan Nomor 14 Tahun 2005, tentang kualiti pendidikan kebangsaan, yang menegaskan bahawa guru berfungsi sebagai agen perubahan yang berperanan sebagai tenaga professional untuk mempertingkatkan martabat dan kualiti pendidikan.





Peningkatan profesional guru penting dalam memastikan peningkatan kualiti pembelajaran. Implikasinya bukan sahaja peningkatan kualiti prestasi pelajar, malah akan mempertingkatkan kepercayaan masyarakat terutama ibu bapa. Oleh itu, seorang guru dalam menjalankan tugas pengajaran perlu mempunyai minimum empat kecekapan asas, iaitu kecekapan pedagogi, kelayakan professional, kecekapan keperibadian dan kehebatan sosial. Kajian ini akan menyerot kecekapan guru yang berhubung dengan kecekapan keperibadian dan kehebatan sosial, kerana kedua-dua kelayakan ini yang membentuk nilai dan karakter pelajar yang diajarnya (Wahyudi, 2012).


McLaughlin dan Halstead (1999) membuat kesimpulan tentang jenis kualiti karakter dan sifat baik yang dicadangkan untuk perkembangan individu oleh penyokong perspektif tentang karakter. Senarai kualiti karakter dan sifat baik yang dimajukan oleh individu lain. Misalnya, seseorang mungkin akan menambah nilai seperti integriti, murah hati, lemah lembut, toleransi, dan kepekaan kepada senarai (Bennett, 1993), kualiti karakter dan sifat baik mungkin ditakrifkan dan ditentukan keutamaan dalam cara yang berbeza. Terdapat kualiti karakter dan keperibadian baik yang lain seperti sabar, patriotik, rendah diri, tidak mementingkan diri (lasley & Biddle, 1996) atau keupayaan untuk menanggukuhkan kepuasan diri (Goldman, 1996). Kualiti yang dimajukan tidak boleh dilihat secara eksklusif dari sudut moral, mereka juga boleh membabitkan aspek budaya, sosial, sivik, dan kebijaksanaan (Helsap, 1995).

Majlis Pendidikan Karakter Kementerian Pendidikan Nasional (2010) menyusun Reka Bentuk Pendidikan Karakter, yang merupakan kerangka



paradigmatik pelaksanaan pembangunan karakter bangsa melalui sistem pendidikan.

(Rajah. 1.1).



Rajah 1.1. Kerangka Program Pendidikan Karakter Kebangsaan Indonesia (Pusat Kurikulum Pendidikan Nasional, 2010)

Pembentukan nilai karakter dipengaruhi oleh tiga aspek penting iaitu *Pertama* Agama, Pancasila, Dasar dan Akta tentang sistem pendidikan Nasional. *Kedua* teori pendidikan, Psikologi, nilai dan sosial budaya. *Ketiga* standard, kefahaman lulusan dan standar kandungan pembelajaran. Pendidikan karakter terjadi pada beberapa tahapan iaitu perancangan, pelaksanaan dan penilaian. Pada tahapan perancangan pendidikan karakter disesuaikan dengan visi dan misi sekolah, ciri murid, persekitaran sekolah dan latar belakang murid. Pada tahapan pelaksanaan pendidikan karakter



dibangunkan pengalaman belajar dan proses pembelajaran yang bertujuan pada pembentukan karakter dalam individu murid. Kajian ini dilaksanakan pada proses pembudayaan dan pemberdayaan seperti digariskan sebagai salah satu prinsip pelaksanaan pendidikan. Proses ini berlangsung dalam tiga pillar pendidikan iaitu persekitaran sekolah, keluarga dan masyarakat. Setiap pillar pendidikan ada dua jenis pengalaman belajar yang dibina melalui dua pendekatan iaitu campur tangan dan pembiasaan. Pendekatan campur tangan dikembangkan suasana interaksi belajar dan pembelajaran yang sengaja direka untuk mencapai matlamat pembentukan karakter dengan melaksanakan aktiviti yang berstruktur. Pada tahap penilaian program untuk perbaikan berterusan yang sengaja dirancang dan dilaksanakan untuk mengesan aktualisasi karakter dalam diri murid sebagai penunjuk bahawa proses pembudayaan dan pemberdayaan karakter itu berhasil dengan baik.



Nilai dan karakter mempunyai hubungan yang sangat rapat namun keduanya adalah berbeza. Pendidikan karakter lebih kepada pembentukan sifat-sifat kejiwaan, akhlak atau budi pekerti, tabiat, karakter yang membezakan antara satu dengan yang lain, karakter erat pula hubungannya dengan nilai pendidikan umum, sedangkan nilai dalam pengajaran matematik dapat pula berlaku nilai pendidikan umum, nilai pendidikan matematik dan nilai matematik (Mohd Uzi, 2013; Bishop, FitsSimon, Seah & Clarson, 1999 & Seah & Bishop, 1999).

Model kerangka konsep pendidikan karakter untuk dipadukan dalam pembangunan karakter dikemukakan dalam plan perbaikan pengajaran matematik di Amerika Syarikat, menjelaskan bahawa karakter sama dengan Performa Karakter dan Moral Karakter (Lickona, 2013), sedangkan Shields (2011) mengelaskan lima





dimensi pendidikan karakter iaitu prestasi karakter, intelektual karakter, sivik karakter, moral karakter dan kolektif karakter. Model kerangka konsep nilai matematik yang telah diketengahkan oleh Mohd Uzi (2007) melalui penerapan nilai guru matematik sekolah menengah, model ini mengambil kira tiga kategori nilai iaitu nilai pendidikan umum, nilai pendidikan matematik dan nilai matematik.

Nik Aziz (2009) menerangkan bahawa guru berbeza daripada semua pengaruh lain dengan peranan mereka dalam perkembangan karakter dalam berbentuk pilihan sedar yang terkandung secara implisit dalam profesion atau kerjaya mereka. Dengan kata lain, guru boleh memaparkan model kelakuan yang baik melalui bekerja yang sungguh-sungguh, sikap yang baik terhadap rekan kerja, kebanggaan terhadap profesion perguruan, dan penglibatan aktif dalam pembangunan diri secara professional.

Pelaksanaan kajian tentang penilaian pelaksanaan program pendidikan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik sangat mencabar memandangkan bidang ini masih baru dan masih kekurangan kajian yang berkaitan. Bagaimanapun, kajian ini yang berbentuk penerokaan diharapkan menjadi sebagai asas kepada kajian-kajian seterusnya terutamanya yang memfokuskan kepada penerapan karakter dalam pengajaran matematik dalam bilik darjah. Maka, kajian ini memfokuskan kepada penilaian pelaksanaan program pendidikan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik sekolah dasar dikaji dari berbagai aspek iaitu konteks, input, proses dan produk program yang telah dijalankan.






Nilai pendidikan matematik pula merujuk norma dan amalan pengajaran dan pembelajaran matematik yang digalakkan dan disokong oleh guru, buku teks, dan budaya sekolah (Nik Aziz, 2009). Nilai tersebut termasuklah kejituan dalam pengiraan, membuat konjektur, bekerja secara sistematis, menyemak jawapan, membuat hubung kait, menentukan kerelevanan, bekerja secara efisien, berfikiran terbuka, dan fleksibel dalam tindakan.

Seorang guru dalam kontek pengajaran dan pembelajaran, sama ada dalam perencanaan pengajaran mahupun pelaksanaan pengajaran dianggap seseorang yang dapat membentuk karakter murid. Guru dengan ciri moral seperti berikut: pertama, pengetahuan moral iaitu mengetahui bahawa tanggung jawab moral yang pertama adalah menggunakan pemikiran untuk melihat sesuatu situasi yang memerlukan penilaian moral. Kedua, perasaan moral adalah perasaan moral menjadi perasaan yang membangunkan dalam seseorang untuk memberikan satu idea tentang apa yang secara moral benar, atau etika. Oleh itu, perasaan moral menggambarkan kecintaan seorang terhadap kebaikan dengan menggalakkan nilai kemanusiaan, model peranan positif dan berempati. Ketiga, tindakan moral adalah melakukan yang baik, mengajar adalah suatu tindakan moral, menggalakkan kegiatan positif, bekerja secara kooperatif, dan memberikan pelayanan kepada orang lain.

Rajah 1.2 menggambarkan model kerangka konsep tentang penilaian pelaksanaan program pendidikan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik sekolah dasar. Kajian ini berfokus pada penerapan karakter yang meneroka kualiti karakter sebagaimana dirancang dalam pengajaran dan pembelajaran



matematik yang terdiri daripada berfikir logik, kritis, kreatif dan inovatif, kegigihan, ingin tahu, sendiri, percaya diri, keagamaan, kejujuran, kecerdasan, ketabahan, demokrasi dan prihatin.



Rajah 1.2. Kerangka konsep penilaian pelaksanaan program pendidikan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik sekolah dasar

Kerangka konsep dalam kajian penilaian ini mengikuti komponen konteks, input, proses dan produk. Pada komponen konteks penilaian meliputi visi sekolah, tujuan dan fungsi sekolah, asas undang-undang pelaksanaan program pendidikan karakter dan sasaran program karakter. Penilaian komponen input kepada penyokong pelaksanaan program iaitu latar belakang guru, kefahaman dan sikap guru, peranan



ibu bapa dan prasarana sekolah. Komponen proses menilai rancangan pembelajaran yang dirancang oleh guru serta menilai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran matematik yang dijalankan oleh guru sesuai dengan rancangan. Komponen produk menilai karakter yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran matematik dan halangan dalam pelaksanaan program pendidikan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik sekolah dasar.

Karakter yang dirancang dalam kajian ini terdiri daripada lima bahagian iaitu karakter kelakuan, karakter intelek, karakter sivik, karakter moral dan karakter kolektif. Pertama, karakter kelakuan menerangkan bagaimana orang menyelesaikan tugas: Adakah mereka bekerja keras dan tabah dalam usaha mereka, adakah mereka memberi tumpuan kepada melakukan yang terbaik atau hanya mendapatkan dari orang lain sahaja.



Kedua, Intelektual karakter adalah menjelaskan cara di mana orang-orang mendekati informasi dan idea. Apakah mereka tetap berfikiran terbuka dan mempertimbangkan bukti. Apakah bersedia untuk mempertimbangkan kembali sebelumnya diselenggarakan keyakinan dalam informasi baru. Ketiga, karakter sivik adalah bergerak melewati individu untuk menggambarkan cara di mana orang menunjukkan komitmen mereka untuk komuniti mereka. Mereka berkomitmen untuk meningkatkan kualiti hidup bagi diri mereka sendiri dan orang lain, serta berusaha untuk meningkatkan lingkungan setempat.

Keempat, karakter moral adalah umumnya mengacu pada bagaimana orang berinteraksi satu sama lain. Isu kebaikan, pertimbangan dan empati sangat penting:





apa artinya untuk menjadi orang baik dan untuk melihat nilai dalam diri orang lain. Kelima, karakter kolektif mengacu pada pola kehidupan sekolah, prosedur dan rutinitas yang mencerminkan norma-norma, tujuan, nilai-nilai, harapan dan gaya pengajaran, pembelajaran, dan kepemimpinan. Apakah murid dan guru merasa selamat dan selesa di sekolah? Apakah sekolah melahirkan murid yang mempunyai karakter baik?

Disamping guru sebagai pengasuh, model dan mentor penerapan nilai dan karakter dalam pengajaran matematik bilik darjah boleh dipengaruhi pula oleh budaya sekolah, ibu bapa, masyarakat, strategi kelas, komuniti kelas yang bermoral, disiplin moral, kelas yang demokrasi, kurikulum berbasis karakter, pembelajaran yang kooperatif, kesadaran diri, mencerminkan moral (Lickona, 2005). Penerapan karakter dalam kurikulum sekolah sangat membantu murid mengembangkan potensinya dan meningkatkan prestasi murid (Chapman, 2011).

Tingkah laku guru dalam bilik darjah boleh pula dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti sikap murid, kepribadian, kefahaman dan kepercayaan guru (Cazden, 2001; Urdan & Turner, 2005). Faktor utama dalam kajian ini adalah melihat peranan penting guru dalam mengubah imej matematik sebagai pelajaran yang kurang menyenangkan menjadi pelajaran yang menyenangkan dan dapat membentuk sikap murid menjadi lebih baik. Jadi, amalan guru dalam pengajaran bilik darjah, sama ada melalui tutur kata ataupun tindakan, menggambarkan nilai yang diterapkan dalam pengajaran bilik darjah (Mohd Uzi, 2007). Dalam situasi pembelajaran di bilik darjah, nilai yang baik juga dapat muncul kerana strategi pembelajaran yang dipilih seperti kooperatif yang menekankan kerjasama. Pemilihan strategi atau model pembelajaran





yang tepat dapat memadukan tujuan pembangunan nilai karakter dan pembentukan kecerdasan emosi pelajar dalam pembelajaran matematik.

Berdasarkan huraian tersebut dan juga kelangsungan daripada penyelidikan yang telah dilakukan oleh para pakar, maka perlu suatu penyelidikan tentang penilaian terhadap pelaksanaan program pendidikan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik. Pusat kurikulum telah menetapkan standard karakter dalam pembelajaran matematik iaitu karakter utama pembelajaran matematik dan karakter pokok pembelajaran matematik. Karakter utama pembelajaran matematik meliputi berfikir logis, kritis, kreatif, dan inovatif, kegigihan, ingin tahu, sendiri, percaya diri. Manakala karakter pokok matematik meliputi keagamaan, kejujuran, kecerdasan, ketabahan, demokrasi dan prihatin.



1.5 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan program pendidikan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik sekolah dasar. Khususnya kajian ini Menilai konteks program iaitu visi dan misi, tujuan dan fungsi, asas undang-undang dan sasaran program pendidikan karakter. Menilai input program iaitu faktor yang menyokong program iaitu latar belakang guru, sikap guru, peranan ibu bapa dan sarana sekolah. Menilai proses iaitu rancangan pembelajaran dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dibilik darjah. Terakhir menilai produk dari pelaksanaan program pendidikan karakter iaitu kefahaman guru matematik terkait pendidikan karakter dan apakah karakter yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran matematik sekolah dasar.





1.6 Objektif Kajian

Secara khusus kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan program pendidikan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik dalam bilik darjah di sekolah dasar. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Menenal pasti visi dan misi, tujuan dan fungsi, asas undang-undang dan hala tuju penerapan program pendidikan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik sekolah dasar.
- ii. Menenal pasti latar belakang guru, sikap guru, peranan ibu bapa dan prasarana sekolah yang menyokong kepada pelaksanaan program pendidikan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik.
- iii. Menenal pasti rancangan, pelaksanaan dan halangan pelaksanaan program pendidikan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik sekolah dasar.
- iv. Meneroka karakter yang diterapkan dan kefahaman guru terhadap pelaksanaan program pendidikan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik sekolah dasar.

1.7 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif diatas, maka dikembangkan persoalan kajian berdasarkan model penilaian konteks, input, proses dan produk:



***Komponen Konteks:***

- i. Apakah visi dan misi sekolah sesuai dengan program pendidikan karakter?
- ii. Apakah tujuan dan fungsi penerapan pendidikan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik sekolah dasar?
- iii. Apakah asas undang-undang yang menjadi sandaran pelaksanaan pendidikan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik?
- iv. Apakah hala tuju penerapan pendidikan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik sekolah dasar?

Komponen Input:

- i. Apakah latar belakang guru sekolah dasar di Kota Langsa Aceh?
- ii. Apakah sikap guru terhadap penerapan pendidikan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik sekolah dasar?
- iii. Adakah ibu bapa menyokong penerapan pendidikan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik sekolah dasar?
- iv. Adakah prasarana menyokong penerapan pendidikan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik sekolah dasar?

Komponen Proses:

- i. Apakah rancangan pengajaran harian guru matematik sekolah dasar memuat unsur pendidikan karakter?
- ii. Adakah guru matematik menerapkan karakter semasa pengajaran dan pembelajaran matematik dalam bilik darjah?





- iii. Apakah halangan dalam menerapkan karakter dalam pengajaran matematik dalam bilik darjah?

Komponen Produk:

- i. Bagaimana kefahaman guru matematik terkait penerapan pendidikan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik?
- ii. Apakah karakter yang terterap dalam pengajaran dan pembelajaran matematik sekolah dasar?

1.8 Kepentingan Kajian



Fungsi guru dalam kurikulum Tahun 2013 adalah sebagai fasilitator, inspirasi, motivasi dan pembimbing. Oleh itu, kajian ini mencari penyelesaian bagi guru untuk dapat menerapkan pembelajaran berasaskan karakter utama matematik dan dan karakter pokok pendidikan matematik ke dalam pembelajaran yang dijalankan dalam bilik darjah. Hasil kajian ini dapat membantu pembinaan karakter bagi pelajar sekolah dasar, peningkatan kefahaman serta kecemerlangan dalam hasil belajar.

Penyelidikan ini dilaksanakan dengan harapan agar dapat memberi manfaat yang boleh digunakan untuk kepentingan teoritikal dan praktikal. Secara teoritikal penyelidikan ini boleh memberikan kefahaman bahawa dalam pengajaran dan pembelajaran matematik terdapat pembinaan nilai-nilai karakter sebagai penyokong kemahiran matematik.





Kepentingan bagi guru adalah mendapatkan sebuah pola untuk menerapkan pendidikan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik, guru mendapatkan maklumat bagaimana merancang, melaksanakan dan menilai pembelajaran dengan menerapkan pendidikan karakter di dalamnya. Program pendidikan karakter dapat membantu guru mengenalkan matematik secara kontekstual dalam kehidupan harian serta membentuk karakter sebagaimana yang digariskan dalam konsep program pendidikan karakter bersepadu dengan pembelajaran matematik di sekolah dasar.

Kepentingan untuk sekolah pula agar dapat menerapkan program pendidikan karakter dalam kurikulum sekolah bagi memudahkan meneroka karakter manakah yang sesuai ditumbuhkan dalam setiap topik pembelajaran matematik, memudahkan pula digunakan sebagai acuan penerapan karakter dikembangkan kepada subjek lain. Hasil dari penerapan pula dapat membina perilaku pelajar dan mendapatkan pelajar yang berkarater mulia.

Kepentingan untuk pembuat keputusan pula kajian mengenai penilaian pelaksanaan penerapan karakter dalam pengajaran terutama dalam pelajaran matematik sekolah dasar dapat memberikan cadangan bagaimana seharusnya amalan guru dan apa saja yang menjadi halangan dalam pelaksanaannya, sehingga dapat dijadikan sebagai acuan dalam pembuat keputusan dan perbaiki kurikulum di masa akan datang. Perkara utama daripada kajian ini adalah mendalami apakah dengan penerapan pendidikan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik dapat meningkatkan kecerdasan pelajar dan mempengaruhi terhadap prestasi pelajar di peringkat sekolah dasar.





1.9 Sumbangan Kajian

Kajian ini mendedahkan pelajar kepada pengenalan nilai secara kognitif, penghayatan nilai secara afektif, dan akhirnya kepada pengalaman nilai secara nyata. Pendidikan karakter memberi sumbangan dalam meningkatkan mutu pelaksanaan dan hasil pendidikan di sekolah yang mengarah kepada pencapaian pembentukan karakter dan akhlak mulia secara utuh, bersepadu dan seimbang sesuai standard kefahaman lulusan dalam kurikulum 2013. Kajian ini memberikan sumbangan terkhusus bagi guru dalam mengamalkan nilai dalam pengajaran matematik, memberikan pengajaran dengan bertumpu kepada peningkatan pencapaian akademik murid serta pencapaian secara sikap dengan memiliki karakter yang baik. Mengajar dengan penuh tanggungjawab dan menjadikan berbagai aktiviti untuk meningkatkan minat dan motivasi murid dalam



Penerapan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik diharapkan dapat membantu pelajar secara sendiri meningkatkan dan menggunakan pengetahuannya, mengkaji dan mendalami serta mempraktikan nilai-nilai dan akhlak mulia sehingga terwujud dalam perilaku harian pelajar tersebut. Pendidikan karakter juga harus meliputi semua komponen pendidikan iaitu kandungan kurikulum, proses pembelajaran, peperiksaan, pengurusan, pelaksanaan aktiviti kurikulum dan etika kerja seluruh warga sekolah dalam persekitaran sekolah. Kajian ini terutama akan menyumbang kepada pembaikan program yang sedang dijalankan mulai dari tingkat sekolah menuju ke tingkat nasional. Dengan mendapatkan berbagai maklumat dan analisa maka segala hal yang menjadi kekurangan akan di sarankan kepada pihak pengambil keputusan.





1.10 Batasan Kajian

Kajian ini terdapat beberapa batasan kajian yang telah dikenal pasti. Batasan pertama adalah bersangkutan dengan kajian dan pengumpulan data yang melibatkan guru besar, penyelia, pentadbir dan guru sekolah sendah pada mata pelajaran matematik, pengumpulan data dengan peralatan seperti video dan perakam audio untuk mengelakkan maklumat kajian daripada ketinggalan. Kajian ini meneroka apakah sasaran, tujuan, sokongan dan amalan guru terhadap penerapan pendidikan karakter dalam pengajaran matematik yang saling menyokong iaitu kualiti karakter, pengetahuan, perasaan karakter dan tindakan karakter dalam bilik darjah serta mengkaji penglibatan tiga komponen selain pengajaran iaitu 1). Strategi kelas, 2). Kerjasama sekolah, ibu bapa dan masyarakat dan 3). Budaya yang berlaku di sekolah.



Batasan kedua berkaitan dengan tempoh masa kajian. Kajian ini akan mengambil masa diperkirakan dalam dua bulan dari lawatan sosial, temu bual awal, temu bual para pengajaran dan temu bual pasca pengajaran dan dokumen sokongan bagi penilaian pelaksanaan kurikulum matematik sekolah dasar. Selain itu, soal selidik dibina untuk mengenal pasti hubungan antara komponen pembentuk karakter dan komponen karakter yang menyumbang dalam pengajaran dan pembelajaran matematik. Peruntukkan tempo kajian akan diperpanjangkan mengikut keadaan kajian sebenar.

Kajian ini juga dibatasi dengan program penerapan karakter dalam pengajaran matematik sekolah dasar, seperti yang terkandung dalam standard kurikulum 2013,





yang telah diterapkan oleh kementerian pendidikan dan kebudayaan dan akan di lakukan penilaian untuk penambahbaikan di masa akan datang.

Batasan ketiga iaitu berkaitan dengan lokasi kajian, mengingat keterbatasan masa kajian, kos dan halangan lain. Penyelidikan ini akan dilakukan pada sekolah dasar dalam kawasan Daerah Bandar Langsa, yang melibatkan 70 sekolah dasar dengan jumlah guru matematik darjah empat dan darjah lima seramai 224 orang. Bagi mendapatkan data kualitatif, pengkaji melibatkan dua puluh empat sekolah dasar dengan mengambil enam belas sekolah dibawah binaan kementerian pendidikan (Sekolah Dasar) dan delapan sekolah dibawah binaan kementerian Agama (Madrasah Ibtidaiyah). Masing-masing sekolah melibatkan dua orang guru matematik darjah empat dan darjah lima. Guru yang menjadi peserta kajian kualitatif seramai 47 orang guru sebagai peserta dengan meminta kesediaan dilakukan temu bual dan pemerhatian. Di samping itu, pengkaji turut turun ke semua sekolah dasar bagi mendapatkan data kuantitatif dengan menyebarkan soal selidik kepada 224 guru matematik sekolah dasar di 70 sekolah dalam kawasan Daerah Bandar Langsa.

1.11 Definisi Istilah

Bagi memudahkan pelaksanaan dan pemahaman kajian ini, beberapa konsep dan istilah perlu diperjelaskan. Konsep penting yang digunakan dan dijadikan fokus utama kajian dihuraikan definisinya bersesuaian dengan tujuan kajian. Pendapat dan pandangan tokoh-tokoh tertentu dijadikan asas panduan serta pengetahuan dan pengalaman pengkaji sendiri. Penjelasan awal tentang istilah-istilah penting guna bagi





menyamakan pemahaman tentang beberapa istilah yang menjadi kerangka teori dan rujukan dalam kajian ini, berikut beberapa istilah yang dimaksudkan:

1.11.1 Penilaian Program

Penilaian adalah suatu proses kegiatan secara sistematik mengumpul, memproses, menganalisis dan menginterpretasikan maklumat yang diperoleh secara sah dan reliability untuk kemudian dipertimbangkan dalam membuat keputusan sama ada suatu program perlu untuk diperbaiki, dihentikan atau diteruskan.

Penilaian dalam kajian ini adalah menganalisis penerapan program pendidikan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik berdasarkan kurikulum 2013.

Analisis dilakukan terhadap elemen-elemen standard kurikulum, iaitu standard kandungan, standard pelaksanaan dan standard prestasi murid terhadap pembinaan karakter.

Penilaian dalam kajian ini menggunakan pendekatan CIPP, elemen konteks dalam kajian ini adalah dasar kerajaan mengenai pelaksanaan kurikulum, keperluan masyarakat, kondisi sosial, politik, geografi dan ekonomi masyarakat. Elemen input terdiri daripada sokongan ibu bapa, kurikulum, guru dan pelajar, pembiayaan, sarana dan prasarana serta pentadbiran. Elemen proses meliputi perancangan pengajaran, pengorganisasian, pelaksanaan pembelajaran berkarakter dalam pelajaran matematik, media belajar, penggunaan teknologi, sukatan pelajaran, buku ajar matematik dan penilaian hasil belajar. Elemen produk dalam kajian ini adalah adanya suatu standard





penerapan karakter dalam pengajaran matematik, adanya model dan strategi pembelajaran yang tepat untuk penerapan karakter dalam pengajaran dan pembelajaran matematik serta dapat diteroka komponen karakter yang mana yang dapat menyumbang secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran matematik.

1.11.2 Karakter

Kajian ini mendefinisikan karakter sebagai cara berfikir, menginginkan dan berperilaku baik yang menjadi khas setiap individu untuk hidup dan bekerja sama, baik dalam lingkup keluarga, masyarakat, bangsa dan negara. Pengetahuan, perasaan dan tindakan akan moral yang di transformasikan dalam kehidupan nyata yang mencirikan kelakuan, intelektual, sosial, sivik dan kolektif.

Karakter juga merupakan penglibatan pengetahuan, perasan dan tindakan dalam mencapai kecerdasan emosi dari setiap individu. Kecerdasan emosi dipupuk dan terbina melalui aktiviti pembelajaran matematik yang melibatkan karakter utama pada pembelajaran matematik dan karakter pokok pada pembelajaran matematik.

1.11.3 Pendidikan Karakter

Pendidikan karakter ditakrifkan sebagai satu usaha yang disengajakan untuk membantu seseorang supaya dia dapat memahami, memberi perhatian dan melakukan





nilai-nilai etika supaya ianya mempengaruhi cara berfikir dan berkelakuan yang mencirikan setiap individu untuk hidup dan bekerja bersama, baik dalam keluarga, masyarakat dan negara.

Dalam kajian ini, pendidikan karakter merupakan penerapan nilai-nilai moral dalam proses pembelajaran matematik di bilik darjah, nilai-nilai karakter sebagaimana yang telah ditetapkan dalam program pendidikan karakter pada kurikulum tahun 2013. Nilai-nilai karakter di tanamkan dalam rangka proses pengajaran dan pembelajaran secara terpadu setiap pelajaran.

1.11.4 Sekolah Dasar



Sekolah dasar adalah peringkat paling dasar pada pendidikan formal di Indonesia. Sekolah dasar ditempuh dalam waktu 6 tahun, mulai dari darjah satu sampai darjah enam yang umumnya berusia tujuh sampa ke dua belas tahun. Di Indonesia, setiap warga negara berusia tujuh ke lima belas tahun wajib mengikuti pendidikan dasar, yakni sekolah dasar (atau sederajat) selama enam tahun dan sekolah menengah pertama (atau sederajat) selama tiga tahun.

Pendidikan di Indonesia dibina oleh dua kementerian iaitu kementerian pendidikan dasar dan menengah dan kementerian agama. Sekolah Dasar (SD) dibawah pembinaan kementerian pendidikan dasar dan menengah dan Madrasah Ibtidaiyah (MI) dibawah pembinaan kementerian Agama. Kedua kementerian ini sepakat menggunakan kurikulum yang sama iaitu kurikulum yang ditetapkan oleh





kementerian pendidikan dasar dan menengah. Namun, sekolah dalam binaan kementerian agama menambahkan jam pelajaran berkaitan dengan agama. Kajian ini melibatkan sekolah dasar dan madrasah negeri dan tidak melibatkan sekolah khusus seperti Sekolah Dasar Islam Terpadu (SDIT) dengan konsep berbeda dengan sekolah dasar biasa dan madrasah. SDIT melaksanakan pembelajaran penuh hari dan lebih banyak kepada pengamalan hafalan Al-Quran.

1.11.5 Pembelajaran Tematik

Pembelajaran tematik bersepadu dilaksanakan dengan menggunakan prinsip pembelajaran bersepadu. Pembelajaran bersepadu menggunakan tema sebagai penyatu aktiviti pembelajaran yang menggabungkan beberapa mata pelajaran sekaligus dalam satu kali tatap muka, untuk memberikan pengalaman yang bermakna bagi murid. Murid memahami pelbagai konsep yang mereka pelajari selalu melalui pengalaman langsung dan mengaitkannya dengan konsep lain yang telah dikuasainya.

Pelaksanaan pembelajaran tematik bersepadu berawal dari tema yang telah dikembangkan oleh guru yang sesuai dengan keperluan peserta didik. Jika dibandingkan dengan pembelajaran konvensional pembelajaran tematik ini kelihatan lebih menekankan pada tema sebagai penyatu pelbagai mata pelajaran yang lebih diutamakan pada makna belajar dan keterkaitan pelbagai konsep mata pelajaran. Penglibatan murid dalam belajar lebih diutamakan dan pembelajaran bertujuan untuk membolehkan peserta didik, memberikan pengalaman langsung serta tidak tampak adanya pemisahan antara mata pelajaran satu dengan yang lain.





1.12 Rumusan

Bab ini menjelaskan semua aspek yang menjadi panduan asas kepada pengkaji dalam melakukan kajian ini. Latar belakang kajian dan pernyataan masalah dibincangkan untuk melihat *gap* atau ruangan kelemahan yang boleh menyokong tujuan kajian dan objektif kajian. Tujuan kajian dan objektif kajian menjadi rujukan utama pengkaji dalam memastikan kajian yang dijalankan memenuhi keperluan kajian. Persoalan kajian dan kepentingan kajian memastikan arah utama dalam kajian mencapai tujuan dan objektif yang ingin dicapai.

